



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN KAJIAN TENAGA KERJA 2022

*REPORT OF
THE LABOUR FORCE SURVEY 2022*

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

*Department of Statistics
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Brunei Darussalam*



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN KAJIAN TENAGA KERJA (KTK) 2022
MENUNJUKKAN PENINGKATAN PEKERJA DI SEKTOR SWASTA

1. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2022 telah menunjukkan peningkatan pekerja di sektor swasta sebanyak 0.7 peratus iaitu daripada 68.5 peratus pada tahun 2021 kepada 69.2 peratus pada tahun 2022. Lebih daripada setengah adalah pekerja tempatan yang mana sebahagian besar adalah pekerja perkhidmatan dan jualan diikuti oleh profesional; dan juruteknik dan profesional bersekutu. Manakala dari segjenis kegiatan ekonomi, majoriti pekerja tempatan yang mencatatkan peningkatan adalah di aktiviti perlombongan dan kuari; penginapan dan perkhidmatan makanan; dan perkhidmatan profesional, teknikal, pentadbiran dan sokongan.

2. Hasil KTK 2022 juga telah menunjukkan peningkatan purata pendapatan (*average income*) sebulan dari semua pekerjaan sebanyak 16.5 peratus iaitu daripada BND1,536 sebulan bagi setiap seorang pekerja di tahun 2021 kepada BND1,789 di tahun 2022. Peningkatan ini khususnya adalah disumbangkan oleh pekerjaan di sektor swasta.

3. Bagi kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate - LFPR*), ianya telah mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 1.1 peratus iaitu daripada 63.8 peratus pada tahun 2021 kepada 62.7 peratus. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*), terutamanya di kalangan berumur 55 tahun dan ke atas.

4. Purata jam biasa bekerja bagi semua pekerjaan menurun sebanyak 2.3 peratus kepada 46.4 jam dalam seminggu di tahun 2022 berbanding dengan 47.5 jam pada tahun sebelumnya disebabkan oleh penurunan purata jam biasa bekerja di sektor swasta terutamanya di kalangan pekerja asing.
5. Kadar pengangguran mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.3 peratus iaitu daripada 4.9 peratus pada tahun 2021 kepada 5.2 peratus pada tahun 2022 yang mana sebahagian besar terdiri daripada kalangan yang berumur 25 ke 29 tahun yang mempunyai kelulusan pendidikan peringkat tinggi (*tertiary level education*).
6. Bagi jumlah penduduk di luar tenaga kerja (*outside labour force*), ianya telah meningkat sebanyak 3.9 peratus berbanding tahun sebelumnya yang mana sebanyak 94.6 peratus adalah mereka yang tidak aktif untuk mencari pekerjaan dan tidak bersedia untuk bekerja disebabkan masih dalam pengajian, sedang menjalani kursus latihan dan; yang mempunyai tanggungjawab keluarga/isirumah. Bagi peringkat usia pula, 32.1 peratus daripada jumlah penduduk di luar tenaga kerja merupakan golongan belia.
7. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2022 yang berasaskan data muktamad dari hasil Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2022 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu dengan objektif utama untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri-ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan, penyediaan dasar dan pengurusan tenaga kerja.
8. Kajian ini telah meliputi kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih di seluruh negara menggunakan kaedah pensampelan yang sistematik. Data yang diperolehi daripada keluarga tersebut telah disesuaikan melalui proses *extrapolation and calibration* bagi menghasilkan anggaran seluruh penduduk yang tinggal dalam isirumah biasa di Negara Brunei Darussalam.
9. JPES ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua keluarga yang terpilih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh kajian.

10. Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 7469844 (waktu pejabat)
E-mel : info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang : deps.mofe.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

**REPORT OF THE LABOUR FORCE SURVEY (LFS) 2022
RECORDED AN INCREASE IN EMPLOYMENT IN THE PRIVATE SECTOR**

1. According to the Labour Force Survey Report 2022, the number of employed persons in the private sector increased by 0.7 per cent from 68.5 per cent in 2021 to 69.2 per cent in 2022. More than half are local workers where majority are service and sales workers followed by professionals; and technicians and associate professionals. In terms of employment by type of economic activity, majority of the locals recording an increase were employed in mining and quarrying; accommodation and food services; and professionals, technical, administration and support services.
2. The LFS 2022 Report also showed that the average monthly income recorded a growth of 16.5 per cent for all jobs from BND1,536 per month per employed person in 2021 to BND1,789 in 2022. This increase was mainly contributed by employment in the private sector.
3. The labour force participation rate (LFPR) decreased slightly by 1.1 per cent from 63.8 per cent in 2021 to 62.7 per cent in 2022. This was due to the increase in the population outside labour force, especially among those aged 55 years and above.
4. The average hours usually worked for all jobs decreased by 2.3 per cent to 46.4 hours per week in 2022 compared to 47.5 hours in the previous year due to a decrease in the average hours usually worked, especially among foreign workers.

5. *The Report also recorded a slight increase in the unemployment rate by 0.3 per cent from 4.9 per cent in 2021 to 5.2 per cent in 2022, most of whom aged 25 to 29 with tertiary level education.*
6. *The number of persons outside labour force increased by 3.9 per cent compared to the previous year, whereby 94.6 per cent are those who are not actively looking for a job and are not ready to work because they are still studying, undergoing training courses and; those who have family/household responsibilities. By age group, youth made up about 32.1 per cent of those outside the labour force.*
7. *The Report of the Labour Force Survey (LFS) 2022 based on the final data from the Labour Force Survey (LFS) 2022 has been released by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS), Ministry of Finance and Economy with the main objective to collect the latest information on size, structure, distribution and characteristics of the labour force, employment, unemployment and other economic characteristics of the population, which will be used to assist in the planning, research, policy-making and management concerning the labour force.*
8. *The survey covered about 3,200 selected households throughout the country using systematic sampling method. Data obtained from the selected households were extrapolated according to the sampling weights and then calibrated to represent the total population living in regular households in Brunei Darussalam..*
9. *JPES would like to take this opportunity to express our appreciation to the selected households in LFS 2022 for their cooperation throughout the survey period.*
10. *The Report of the Labour Force Survey (LFS) 2022 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>7469844 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>deps.mofe.gov.bn</i>